

---

## ADAPTASI ANTARABUDAYA PELAJAR NIGERIA DI MALAYSIA

ABDUL LATIFF AHMAD, SALMA ALI, ALI SALMAN & SABARIAH MOHAMED  
SALLEH

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Kebanjiran pelajar antarabangsa di Malaysia semakin meningkat dari tahun demi tahun selaras dengan pelan pendidikan nasional yang ingin menyerlahkan nama Malaysia sebagai hub pendidikan dunia. Terdapat beberapa cabaran dalam menjalani proses pengadaptasian yang perlu dihadapi oleh pelajar antarabangsa. Dengan menggunakan model Lekuk U, kajian ini melihat bagaimana proses pengadaptasian pelajar Nigeria di Malaysia yang berhadapan dengan cabaran berikutan berlakunya stereotaip dalam kalangan media dan masyarakat Malaysia. Enam orang pelajar Nigeria yang belajar di Universiti Awam telah ditemubual untuk kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Nigeria tidak mengalami tempoh bulan madu namun lebih kepada fasa persediaan. Pelajar Nigeria dilihat sangat peka dalam mempersiapkan diri sebelum datang ke Malaysia kerana ingin mengurangkan masalah dalam proses pengadaptasian. Pelajar Nigeria juga didapati sangat fokus terhadap tujuan mereka ke Malaysia iaitu untuk pendidikan dan tidak begitu terkesan dengan stereotaip masyarakat.

*Kata kunci: adaptasi, antarabudaya, Nigeria, Model Lekuk U*

### INTERCULTURAL ADAPTATION OF NIGERIAN STUDENTS IN MALAYSIA

#### **Abstract**

There has been a steady increase of international students in Malaysia is increasing year by year especially with the National education blueprint that has emphasizes on the global prominence of Malaysia as an international education hub. However, there are some challenges in the adaptation process faced by international students. Using the U Curve model, this study explains the adaptation experience of Nigerian students in Malaysia especially in overcoming challenges of media stereotypes and the perspectives of Malaysian. An in-depth interview research was conducted on six Nigerian students studying in a public university. A main finding from this research is that the students do not go through a honeymoon period but more of a preparatory stage of adaptation. The Nigerian students have shown to be very extensive in preparing themselves prior to coming to Malaysia to avoid any problems of adaptation. Nigerian students seem to be very focus in the reason the came to Malaysia which is for education and is not affected with the stereotype from society.

*Keywords: adaptation, intercultural, Nigeria, U-Curve model*

#### **PENGENALAN**

Jandt (2007) turut menyatakan bahawa komunikasi adalah untuk mengenali dan memahami budaya yang berlainan adalah amat penting apabila manusia melakukan penghijrahan ke negara yang berlainan budaya. Penghijrahan manusia sering berlaku sesuai dengan kehendak

---

zaman dan tuntutan hidup. Penghijrahan menuntut kita untuk mengenali dan mendalami budaya sesuatu tempat. Dalam menjalani proses penghijrahan ini, pengadaptasian perlu dilakukan bagi memastikan bahawa kita boleh menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baru. Perbezaan budaya, cara hidup, bahasa dan pelbagai perbezaan lain memerlukan setiap orang yang berhijrah untuk beradaptasi. Ini kerana budaya setiap negara adalah berbeza dan pelbagai. Sedangkan dalam sesebuah negara itu sendiri mempunyai pelbagai budaya, dialek atau bahasa yang berbeza. Apatah lagi jika berlainan negara, sudah pasti jurang perbezaan semakin ketara.

Berpandukan kepada statistik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia lagi, pelajar daripada sebanyak 167 buah negara yang datang menyambung pelajaran di Malaysia dan majoriti adalah daripada negara Timur Tengah, negara asia serta dari Nigeria. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2012, Nigeria merupakan negara yang mencatatkan jumlah tertinggi pelajar yang menyambung pelajaran di Malaysia berbanding negara-negara Afrika yang lain. Peningkatan ini telah berlaku berterusan sejak tahun 2007 yang mana negara-negara Afrika termasuk Nigeria menunjukkan peningkatan mereka yang menyambung pelajaran di Malaysia.

Menurut Irene (2011), Malaysia antara negara yang sistem pendidikannya sentiasa membangun dan terkini seiring dengan pendidikan global. Ini adalah beberapa contoh mengapa pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai tempat melanjutkan pelajaran. Bagi faktor penolakan atau '*push factor*' pula adalah kerana masalah politik dan ekonomi yang berlaku di negara asal pelajar. Selain itu, kelemahan dalam sistem pendidikan di negara mereka menyebabkan mereka memilih negara untuk keluar daripada negara mereka dan menyambung pelajaran di negara yang sistem pendidikannya lebih baik.

Proses pengadaptasian yang sudah semestinya mempunyai cabaran yang tersendiri bagi setiap pelajar antarabangsa. Namun, cabaran menjadi semakin sulit apabila berlakunya stereotaip masyarakat tempatan. Sudah sering dilihat dan didengar tentang pemaparan negatif tentang pelajar Afrika di Malaysia oleh pihak media. Jadi, kajian ini pula ingin mendapatkan jawapan daripada sisi pelajar Nigeria sendiri yang sedang melanjutkan pelajaran di Malaysia tentang apa masalah yang dihadapi oleh mereka ekoran stereotaip media dan masyarakat tempatan dengan pembawaan nama 'Afrika' atau 'Nigeria' di Malaysia serta melihat

bagaimana mereka berhadapan dan menerima cabaran tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji proses pengadaptasian pelajar Afrika di Malaysia menggunakan Model Lekuk U

#### **ADAPTASI ANTARABUDAYA**

Dalam arus globalisasi ini, penghijrahan antara setiap negara akan berlaku kerana saling bergantung antara setiap negara bagi menjayakan proses globalisasi. Setiap negara harus bekerjasama dengan negara lain bagi pelbagai tujuan seperti mobilisasi, pendidikan, berdiplomasi, perniagaan, perlancongan dan sebagainya. Pengadaptasian merupakan satu proses penyesuaian. Adaptasi antarabudaya merupakan proses panjang penyesuaian diri seseorang dan akhirnya dapat menimbulkan perasaan selesa dalam persekitaran yang baru (Kim 2001). Dalam melakukan proses pengadaptasian ini, bukan sahaja fizikal yang dibawa tetapi juga nilai-nilai diri, agama, pengamalan budaya yang telah biasa diamalkan di tempat asal. Segala nilai dan budaya tempat asal itulah yang akan dibawa ke tempat baru. Namun, penyesuaian harus dilakukan untuk memastikan bahawa penghijrah tidak kekok atau berasa tidak selesa bagi menyesuaikan diri kerana perbezaan nilai dan budaya tempat baru.

Myers (1993) telah menyatakan bahawa, "*Sensitivity to these cultural differences will help minimize misunderstanding and awkward moments*" (pg.189). Maksud yang cuba disampaikan oleh Myers ialah si penghijrah dan 'tuan rumah', kedua-duanya harus sensitif akan perbezaan budaya kedua-dua belah pihak. Harus ada sedikit ilmu tentang negara yang akan dikunjungi oleh si penghijrah dan harus juga tuan rumah mempunyai ilmu tentang si penghijrah yang akan datang ke tempatnya. Adanya rasa sensitif ini akan membantu mengurangkan rasa tidak selesa si penghijrah ke tempat baru dan mengurangkan salah faham. Sensitiviti ini menunjukkan bahawa saling hormat antara satu sama lain serta menghormati budaya negara masing-masing. Adaptasi berlaku melalui proses komunikasi kerana dengan komunikasi, penghijrah dapat mempelajari persekitaran baru, mempelajari untuk menyesuaikan diri seterusnya mengurangkan kejutan budaya.

#### **PENGANTARABANGSAAN PELAJAR**

Kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia meningkat dari tahun demi tahun. Statistik menunjukkan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam pada tahun 2012 ialah seramai 26, 232 orang (KPM 2013). Knight (2005) di dalam

---

artikel Tan (2011), memberi definisi pengantarabangsaan sebagai proses menyatupadukan dimensi antarabangsa, antarabudaya dan dimensi global ke dalam bentuk pengajaran, penyelidikan perkhidmatan dan pendidikan sesebuah institusi.

Malaysia menerima banyak pelajar antarabangsa yang mendaftar di institusi pengajian tinggi di serata Malaysia. Tahun 2010 telah mencatatkan jumlah kemasukan seramai 86, 919 orang pelajar antarabangsa yang telah mendaftar (Ismail & Doria 2012). Menurut Ismail & Doria, sebab-sebab utama pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran adalah kerana mereka mudah menerima sosiobudaya Malaysia, ciri-ciri linguistik bahasa Melayu yang hampir sama dengan Bahasa Inggeris, boleh menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pengantaraan dan juga yuran pengajian serta kos hidup yang rendah. Institusi pendidikan tinggi Malaysia sentiasa cuba untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memastikan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di sini mudah untuk beradaptasi.

Selain itu juga, bagi melancarkan proses pengadaptasian pelajar antarabangsa di Malaysia agar merasa selesa tinggal di tempat baru, Institusi Pengajian Tinggi Malaysia berharap bahawa masyarakat Malaysia dapat menerima pelajar antarabangsa sebagai satu kelompok komuniti baru di dalam masyarakat Malaysia (Ismail & Doria 2012). Masyarakat Malaysia sendiri harus belajar untuk mengadaptasi dan menerima bahawa pelajar antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia agar pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di sini mempunyai pengalaman yang baik untuk dikongsikan di negara asal mereka. Kepelbagaian budaya dan kaum dimeriahkan lagi dengan adanya budaya-budaya baru yang dibawa masuk ke Malaysia melalui kemasukan pelajar antarabangsa. Kemasukan budaya baru ini juga secara tidak langsung dapat memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan negara lain daripada sudut ekonomi, politik dan sosial (Zuria, Salleh, Saemah & Noriah 2010).


Pengalaman sebagai pelajar baru di institusi pengajian tinggi bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai proses penyesuaian dan pengadaptasian yang perlu dilalui bagi memastikan pelajar dapat menerima sistem pendidikan universiti yang baru. Ini penting kerana bagi memastikan pelajar mampu untuk menangani stress kerana tujuan utama pelajar datang ke sesebuah negara baru adalah untuk menyambung pelajaran. Jika masalah sistem akademik

yang dihadapi pelajar, ia akan memberi kesan yang negatif ke atas diri pelajar. Menurut Khamis, Yaakub, Shaari, Zailani & Yusoff (2002) di dalam artikel Aurel (2013), terdapat empat kategori penting yang menyumbang kepada kegagalan dalam proses pengadaptasian pelajar baru di universiti iaitu masalah akademik, masalah kesihatan, krisis kewangan dan juga masalah sosial serta peribadi pelajar. Masalah ini menyumbang kepada impak negatif yang boleh menyebabkan pelajar mengalami tekanan. Keempat-empat kategori masalah ini merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar antarabangsa.

Ahmad et.al (2013, 2014 dan 2014) turut menceritakan tentang cabaran utama untuk pelajar beradaptasi di dalam sesuatu tempat yang berbeza dengan budaya diri. Mereka juga turut mengaitkan bagaimana agama memainkan peranan dalam proses adaptasi. Diwaktu yang sama kecanggihan teknologi menerusi media sosial turut memudahkan adaptasi antarabudaya dan di waktu yang sama mengekalkan hubungan mereka dengan keluarga di negara masing-masing.

Menurut Lysgaard, terdapat 4 peringkat atau fasa di dalam model Lekuk U iaitu fasa bulan madu, fasa kejutan budaya, fasa penyesuaian dan yang terakhir ialah fasa penguasaan (adaptasi penuh). Penyesuaian merupakan proses yang memakan masa berpandukan kepada Lekuk U. Pada awal ketibaan, penghijrah akan merasa dapat menyesuaikan diri dengan berasa senang, setelah itu akan berlakunya krisis atau masalah yang menyebabkan mereka merasa sedih dan kesunyian, peringkat seterusnya merasa semakin selesa dan dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran baru. Disebabkan empat fasa yang harus dilalui oleh setiap penghijrah, maka gambaran fasa model Lekuk U dilakarkan seperti yang dapat dilihat dalam **Rajah 1**.

**Rajah 1 Model Lekuk U (Lysgaard, 1955)**



## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual. Temubual dilakukan terhadap pelajar-pelajar Afrika yang sedang melanjutkan pelajaran di Malaysia. Negara Afrika yang dipilih bagi kajian ini adalah pelajar dari Nigeria. Ini kerana media Malaysia mencatatkan jumlah warga Nigeria yang paling ramai di Malaysia dan juga mencatatkan jumlah pelaku masalah sosial tertinggi di antara negara-negara Afrika yang lain (Berita Harian Online 2013). Jadi, pemilihan negara untuk menjalankan temubual difokuskan hanya kepada pelajar Nigeria. Seramai 6 orang pelajar Nigeria dipilih daripada university awam di Malaysi bagi menjalankan temubual ini. Kesemua pelajar yang dipilih adalah lelaki. Soalan adalah tertumpu kepada pengalaman mereka mengadaptasikan diri di Malaysia dan cabran yang mereka hadapi selama bergelar pelajar antarabangsa.

Berikut merupakan senarai responden kajian saya di dalam **Jadual 1**.

**Jadual 3.1 Subjek Kajian**

<b>Bil</b>	<b>Subjek</b>	<b>Umur</b>	<b>Tahap Pembelajaran di universiti</b>	<b>Bil tahun menetap di Malaysia</b>
1.	S1	28	Sarjana	1
2.	S2	44	PHD	4
3.	S3	25	Sarjana	5
4.	S4	40	PHD	3
5.	S5	50	PHD	2
6.	S6	45	PHD	1

### **Fasa Baharu Tiba di Malaysia**

Setibanya pelajar Nigeria di Malaysia, mereka dijemput oleh rakan-rakan Nigeria di lapangan terbang. Ini dilihat dapat mengurangkan kebimbangan pelajar setibanya di negara baru. Secara logiknya, setiap manusia yang akan ke suatu tempat baru akan mempunyai perasaan bimbang, takut dan pelbagai perasaan lain sebelum tiba di negara baru apatah lagi sekiranya tiada sebarang kenalan di negara baru. Namun, jika ada kenalan di negara baru tersebut dan

---

akan membantu menguruskan hal-hal pelajar dalam proses awal, ia akan membantu mengurangkan kebimbangan dan keresahan.

S2: “*..then he received me at the airport and he facilitated in (...) for my own accommodation*”

S5: “*...and my friend from U\*\* linked me with other Nigerians in U\*\* and they helped me a lot and help me to move to Taman T\*\*\*\*.*”

Ikatan yang kuat antara pelajar Nigeria membuatkan pelajar Nigeria yang baru tiba mampu mengurangkan rasa bimbang mereka setibanya di Malaysia. Mereka mempunyai sifat yang sangat suka membantu antara sesama mereka. Ini kerana mereka yang telah berada di Malaysia tahu bagaimana perasaan menjadi ‘orang luar’, jadi mereka mencuba untuk membantu rakan senegara mereka sebaik mungkin agar tidak rasa begitu bimbang sebaik tiba di Malaysia. Jaringan yang baik antara pelajar Nigeria ini sebenarnya membantu pelajar baru tiba di Malaysia untuk mengurangkan kesan kejutan sebaik tiba di Malaysia.

### **Fasa Kejutan Budaya**

Pada fasa kedua ini, pelajar Nigeria mula berasa tidak selesa, sedih, bimbang dan keliru dengan keadaan yang asing baginya serta merasakan bahawa masyarakat tempatan tidak senang dengan kehadiran dirinya. Perbezaan budaya dan cara hidup pelajar Nigeria dengan masyarakat Malaysia menyebabkan masyarakat tidak dapat menerima kehadiran pelajar Nigeria secara sepenuhnya. Perbezaan-perbezaan ini akan membentuk kepada rasa yang negatif dan menyebabkan pelajar Nigeria berasa tidak gembira pada fasa ini. Ini termasuklah perbezaan dari segi bahasa, budaya, cara pergaulan, pemakaian dan sebagainya.

Perbezaan cara penyediaan makanan merupakan kejutan yang agak hebat kepada pelajar antarabangsa. Perbezaan yang ketara cara penyediaan makanan antara Nigeria dan Malaysia memberi kejutan budaya kepada pelajar Nigeria. Perbezaan ini boleh mendatangkan perasaan yang negatif kerana makanan merupakan satu isu penting yang mana setiap manusia perlu makan demi kelangsungan hidup. Begitu juga dengan pelajar Nigeria yang mana di awal kedatangan mereka, mereka mengalami kejutan budaya berikutan dengan perbezaan makanan di Malaysia.

S2: “*unfortunately, when I started eating it, it was sugar...so sugary...because you know in Nigeria we’re not used to put sweet things in our own dishes*”

S3: *"...I went to a restaurant so I just came for chicken so I think it was a fried chicken, so I was surprised so that particular it is too sweet. So that was my first experience like Malaysian culture. Because at back home it is actually a salty chicken. We don't normally to have sweet chicken. So I was surprised..."*

Menurut Zuria, Salleh, Saemah dan Noriah (2010), perbezaan budaya yang ketara akan menyebabkan berlakunya kesukaran dalam pengadaptasian yang seterusnya akan membawa kepada pengasingan diri daripada masyarakat. Bagi pelajar yang datang ke Malaysia, mereka mengharapkan bahawa masyarakat tempatan akan memberi layanan yang baik kepada ini. Ini penting buat mereka kerana mereka datang ke Malaysia berseorangan dan tiada keluarga. Jadi sudah tentu mereka mengharapkan agar masyarakat Malaysia menjadi sebahagian daripada keluarga baru mereka di Malaysia. Namun sebaliknya berlaku apabila layanan daripada masyarakat tempatan adalah tidak seperti yang mereka harapkan.

S6: *"I said 'salam' to all of them but the responded aren't really encouraging...just nod their head in appreciation of maybe saying 'salam' to them"*

S2: *"...I was trying to be like uh much friendlier, open..but I was seen people doesn't want even..maybe my openness..they don't want to discuss much..."*

Pelajar antarabangsa gemar untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan masyarakat tempatan. Mereka mahu berkawan dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan kerana ia akan membuatkan bahawa kehadiran mereka diterima dalam kelompok yang baru. Pelajar antarabangsa kebiasaannya keseorangan di negara baru, jadi mereka mengharapkan ada orang yang ingin berinteraksi dan menjalinkan hubungan persahabatan dengannya dan orang yang paling hampir dengan mereka ialah masyarakat tempatan. Mereka menganggap bahawa hal ini penting kerana apabila mereka berseorangan, mereka akan mula mengalami tekanan emosi. Pada masa ini, mereka mula merindukan kampung halaman mereka. Ini kerana di kampung halaman mereka, mereka mempunyai keluarga, saudara mara serta rakan-rakan untuk menghiburkannya. Perasaan dipinggirkan dan tidak dihiraukan merupakan satu perasaan yang sering dialami pelajar antarabangsa. Seawal ketibaan, mereka tidak kekok untuk bertegur sapa dengan masyarakat tempatan. Jadi mereka mengharapkan agar masyarakat tempatan yang akan memulakan interaksi. Tetapi ia merupakan sesuatu yang jarang berlaku. Kebiasaannya pelajar antarabangsa yang perlu memulakan interaksi dahulu. Masyarakat tempatan mungkin berasa tidak selesa kerana pelajar antarabangsa merupakan orang luar. Perbezaan warna kulit atau cara berpakaian membuatkan masyarakat tempatan



---

tidak begitu berminat untuk memulakan interaksi dengan pelajar antarabangsa.

Pelajar Nigeria menyatakan bahawa sukar untuk mereka berinteraksi dengan masyarakat Malaysia. Kurang penguasaan dalam bahasa Inggeris merupakan halangan terbesar mengapa sukar untuk rakyat Malaysia menjalankan interaksi dengan pelajar antarabangsa. Pelajar Nigeria sendiri telah dapat mengenal pasti masalah bahasa bagi masyarakat Malaysia. Faktor bahasa merupakan masalah pengadaptasian yang paling sukar dihadapi oleh pelajar antarabangsa semasa sedang ke fasa penyesuaian diri di tempat baru (Suseela & Poovaikarasi 2011). Kelemahan berbahasa Inggeris oleh masyarakat Malaysia menyebabkan interaksi tidak dapat berjalan dengan baik.

S5: *“The biggest challenge faced is the communication with the locals. You find that not everybody can speak English fluently.”*

S6: *“...sometimes I realized Malaysians..if, I mean they find it difficult to speak good English, so they feel shy, you know.. to talk to you, not that they don't want to talk to you”*

Interaksi dengan pelajar tempatan sebenarnya mampu mengurangkan kejutan budaya dan membantu dalam proses pengadaptasian pelajar Nigeria di Malaysia. Segala maklumat tentang Malaysia lebih mudah diperoleh jika pelajar Nigeria mempunyai rakan warga tempatan. Pelajar antarabangsa yang gagal untuk mewujudkan interaksi dengan masyarakat tempatan yang boleh membawa kepada simptom-simptom psikologi seperti rasa dipinggirkan, motivasi diri yang rendah, hilang fokus dan beberapa simptom lain (Mori 2000). Apabila interaksi tidak dapat dijalankan, maka hubungan persahabatan juga tidak boleh berlaku. Jadi, apabila tidak dapat berinteraksi dengan baik dengan pelajar tempatan, maka pelajar Nigeria akan merasa terpinggir oleh masyarakat Malaysia. Namun, halangan sebenarnya adalah halangan dalam menggunakan bahasa antarabangsa oleh rakyat Malaysia iaitu bahasa Inggeris. Malaysia sebagai negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Jadi, masyarakat Malaysia kurang melihat kepentingan bahasa Inggeris jadi penguasaan mereka juga lemah. Interaksi gagal untuk berlangsung jika salah satu pihak tidak memahami bahasa yang disampaikan oleh pihak yang satu lagi.

Namun, secara dasarnya, pelajar antarabangsa yang berada di negara baru tempat mereka melanjutkan pelajaran seharusnya mempelajari bahasa utama negara tersebut. Mereka tidak boleh mengharapkan rakyat Malaysia mahir berbahasa Inggeris sedangkan bahasa

utama negara Malaysia ialah bahasa Melayu. Kelemahan berbahasa Melayu juga merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa termasuk pelajar Nigeria. Pelajar antarabangsa seharusnya ada sikap untuk mencuba mempelajari dan mempraktikkan bahasa kebangsaan Malaysia. Di universiti, pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mengambil subjek bahasa Melayu sebagai persediaan berada di Malaysia. Namun, mereka tidak mempraktikkannya dengan cuba berinteraksi menggunakan bahasa Melayu dengan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia lebih mudah didekati apabila pelajar antarabangsa boleh bercakap dalam bahasa Melayu.

### **Fasa Penyesuaian**

Fasa ketiga ini, pelajar Nigeria dilihat sudah mula belajar untuk memahami budaya, persekitaran dan cara masyarakat Malaysia. Pemahaman budaya masyarakat Malaysia cuba diterapkan dalam diri mereka dan dijadikan sebagai budaya baru sementara baginya. Namun dalam masa yang sama masih cuba untuk mengekalkan nilai budaya masyarakatnya. Dalam fasa ini, individu akan cuba mengaplikasikan ilmu yang diperoleh terhadap masyarakat tempatan. Individu akan merasa lebih selesa dan tahu bagaimana untuk bertindak dalam suasana persekitaran baru. Perhubungan dengan keluarga dan rakan-rakan senegara juga merupakan faktor yang membolehkan mereka menjalani proses pengadaptasian.

Berjauhan dengan keluarga merupakan satu kesukaran buat pelajar yang berhijrah ke negara lain. Mereka memerlukan semangat dan dorongan daripada keluarga kerana mereka berseorangan di negara baru. Bagi pelajar yang telah berumah tangga, mereka akan lebih kerap menghubungi keluarga mereka di Nigeria. Ini kerana mereka mempunyai isteri dan anak yang perlu sentiasa dipantau walaupun dari jauh. Sebagai ketua keluarga, mereka merasa bertanggungjawab untuk sentiasa berhubung dengan keluarga untuk mengetahui sekiranya ada masalah yang berlaku. Mereka juga berasa risau meninggalkan keluarga jauh daripada mereka. Jadi, sering berhubung boleh mengurangkan kerisauan dan mengurangkan rasa rindu terhadap mereka.

S4: “... *I perpetually call them every blessed day*” S2: “...*almost..almost on a daily basis..I called..it is expensive but I have to..*”

Pelajar antarabangsa yang lebih kerap berhubung dengan keluarga lebih mudah menjalani proses pengadaptasian. Ini kerana, sokongan keluarga amat penting bagi mereka yang tinggal

berjauhan. Mereka kurang merasa keseorangan dan kesunyian serta merasa dekat dengan keluarga. Apabila dapat mendengar suara mereka atau melihat wajah mereka, boleh membuatkan mereka merasa dekat dengan keluarga dan mampu untuk meneruskan hidup di Malaysia. Kesukaran untuk berinteraksi dengan rakyat Malaysia membuatkan pelajar Nigeria merasa sedikit terasing perhubungan dengan keluarga mereka yang membuatkan mereka merasa sedikit tenang dan dapat meluahkan perasaan mereka.

Teknologi turut membantu dalam proses pengadaptasian bagi pelajar antarabangsa. Ini kerana dengan adanya teknologi, mereka dapat berhubung dengan keluarga mereka walaupun jauh. Ini dapat dilihat bahawa pelajar Nigeria tidak begitu menggunakan teknologi terkini secara sepenuhnya seperti penggunaan media sosial untuk menjalankan interaksi dengan keluarga. Mereka lebih memilih untuk menggunakan telefon bimbit untuk menghubungi keluarga mereka.

S2: *"Yes. I'm not dependable on social media".*

S4: *"I call them through phone. Every day I call".*

Dalam kes kajian ini, apa yang dapat dilihat ialah sebilangan besar subjek adalah mereka yang sudah sedikit berumur, namun mereka menggunakan teknologi untuk berhubung dengan keluarga menggunakan media sosial seperti *Skype* dan *Facebook*. Namun, dalam masa yang sama, mereka lebih banyak menggunakan telefon bimbit untuk berhubung dengan keluarga di Nigeria berbanding media sosial.

Namun terdapat kekangan dimana sumber elektrik adalah terhad dan jaringan internet sangat lambat di Nigeria. Di Nigeria terutama kawasan pedalaman, sumber elektrik sering dicatu oleh kerajaan. Jadi elektrik sering tiada atau tidak menentu di sesuatu kawasan di Nigeria yang menyebabkan pelajar Nigeria di sini tidak begitu memilih untuk menggunakan media sosial untuk berhubung dengan keluarga di sana. Jaringan juga sangat lemah untuk dihubungkan dengan internet. Terdapat pelajar yang keluarga mereka menetap di kawasan yang sumber elektrik sangat terhad dan jaringan internet yang lemah, jadi sukar untuk mereka berhubung dengan keluarga menggunakan media sosial. Mereka masih menggunakan media sosial namun kerana masalah di negara mereka, mereka tidak dapat sering menggunakannya. Kekangan ini menyebabkan mereka lebih memilih untuk menggunakan telefon bimbit bagi membolehkan mereka berhubung dengan keluarga di Nigeria.

Sebagai seorang yang berlainan budaya, agak sukar bagi mereka menjalani, mengekalkan dan mengamalkan budaya mereka di negara yang berlainan budaya. Perlu jati diri yang kuat untuk mengamalkan budaya Nigeria di Malaysia. Dari segi agama, tiada masalah kerana Malaysia juga adalah negara Islam. Namun, Nigeria masih mempunyai budaya yang berlainan dengan budaya masyarakat Malaysia. Terdapat pelajar antarabangsa yang apabila tiba di negara baru, mereka cuba menukar budaya mereka sesuai dengan budaya negara baru. Berlainan pula dengan pelajar Nigeria yang mana mereka masih mengamalkan budaya negara mereka di Malaysia.

S2: *"...because in Nigeria, if I said we greet almost every now.. I've not seen this man. What's wrong with him?...I want to find out your house so that I can come and greet you..."*

S6: *"yeah, because back in my country, we always looked to talk to each other, discuss issues, you know. Very friendly with our neighbours, voice our fears; we always gather together, but now..."*

Mereka masih mempraktikkan budaya dan cara hidup mereka sebagai warga Nigeria di Malaysia. Mereka tidak begitu mengendahankan tanggapan masyarakat Malaysia kerana mereka tahu apa yang mereka lakukan tidak menyalahi undang-undang dan norma masyarakat Malaysia. Mereka mempunyai budaya mereka yang unik seperti pakaian mereka. Jika dilihat di U\*\*, ramai pelajar Nigeria yang mengenakan pakaian tradisional mereka dalam kehidupan seharian. Mereka bangga dengan budaya mereka dan tidak segan untuk mengamalkannya di Malaysia. Budaya Nigeria juga hampir sama dengan budaya rakyat Malaysia iaitu budaya agama Islam seperti tolong-menolong, ziarah- menziarahi dan bertegur sapa. Mereka masih menjalankan cara hidup mereka di Nigeria dan dipraktikkan di sini. Mereka cuba menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia kerana mereka percaya rakyat Malaysia juga mempunyai sifat yang sama seperti mereka. Walaupun budaya yang diamalkan oleh mereka tidak mendapat tindak balas yang positif dari masyarakat Malaysia, mereka tetap mengamalkan budaya tersebut. Dapat dilihat betapa kuat pegangan pelajar Nigeria ke atas budaya negara mereka walaupun berada di luar negara mereka.

Membina hubungan dengan rakan bersamaan negara adalah penting. Ini merupakan jaringan persahabatan yang perlu dibina sekiranya pelajar berada di negara asing. Secara psikologinya, apabila seseorang berhijrah ke negara asing, mereka perlu sekurang-kurangnya mempunyai kenalan daripada negara yang sama. Ini bagi mengurangkan kerinduan terhadap kampung halaman dan seterusnya memudahkan proses pengadaptasian. Kawan dari negara

yang sama lebih dekat dengan jiwa pelajar Nigeria. Ini kerana mereka lebih memahami perasaan dan kehendak sesama sendiri dan boleh membantu menyelesaikan masalah mereka.

S6: *"...actually from Nigeria I don't even call it 'friend', it's like we're brothers. Yeah because we share common, everything..."*

S2: *"and making friends become difficult, so I have to look my Nigerians that we know ourselves. We know how to interact. We know the culture we are having back home"*.

Perasaan seorang penghijrah apabila tidak mempunyai teman di negara baru merupakan kejutan budaya yang boleh membawa kepada tekanan emosi. Perlu untuk pelajar antarabangsa mencari kenalan agar dapat menjalani pengadaptasian dengan baik. Hendrikson, Rosen dan Aune (2011), menyatakan bahawa pemilihan kawan yang berasal daripada negara sama adalah penting kerana mereka boleh bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman bagaimana untuk mengadaptasikan diri di tempat baru. Ini boleh mengurangkan tekanan emosi yang biasa dialami oleh pelajar yang baru tiba di tempat baru. Dapat dilihat bahawa pelajar Nigeria sangat mementingkan persahabatan antara rakan sama negara.

### **Fasa Penguasaan**

Pada fasa yang terakhir ini, pelajar Nigeria telah mendalami budaya masyarakat Malaysia dan mampu menjalani kehidupan sehari-harian tanpa memerlukan usaha yang banyak. Budaya Malaysia telah berjaya diserap dalam kehidupan pelajar Nigeria dan ini memudahkan mereka untuk menerima budaya baru. Kehidupan individu di Malaysia pada fasa ini dilihat lebih stabil dari segi fizikal dan emosi. Tempoh penguasaan ini bergantung kepada diri setiap individu berpandukan pengalaman dan kekuatan psikologi.

S6: *"...I didn't find it difficult in getting adapted to the culture because it's almost similar to mine. So I don't have problem with that...coming to Malaysia is like going back to Nigeria..."*.

S1: *"...feeling that typically when someone is a Muslim and he knows you're Muslim so he expects you to behave Islamically...so that gives him more comfort than the rest of man because he is assured that no harm will come from him"*.

Persamaan ini penting kerana sebagai seorang Muslim, hampir keseluruhan budaya hidup yang diamalkan adalah berpandukan ajaran agama Islam. Amalan sehari-harian seperti solat boleh dijalankan dengan aman, makanan yang halal ada di merata tempat dan segala aktiviti keagamaan boleh dijalankan di Malaysia tanpa sebarang masalah. Malaysia sebagai sebuah negara Islam sangat membantu pelajar Nigeria sampai ke fasa penguasaan dengan

mudah dan cepat. Mereka membuat pilihan yang tepat dan sangat teliti sebelum membuat pilihan untuk ke negara luar bagi menyambung pelajaran. Setiap negara mempunyai perbezaan budaya termasuk Malaysia dan Nigeria. Persamaan budaya antara negara sedikit sebanyak telah mengurangkan penyukaran dalam proses pengadaptasian (Tsang 2001). Aktiviti pembudayaan yang diamalkan di Nigeria masih boleh dijalankan di Malaysia. Ini membuatkan mereka merasa berada dalam lingkungan negara yang sama. Persamaan budaya turut membantu mereka mengurangkan tekanan emosi berada di negara baru.

Jurang budaya ini masih akan membuatkan proses pengadaptasian mereka berjalan agak lambat. Namun, pemilihan bijak mereka dengan memilih faktor negara Islam sebagai negara pilihan membuatkan tempoh penyesuaian dapat dilalui dengan singkat. Persamaan budaya antara dua buah negara membuatkan penghijrah merasa dekat dengan negara asal mereka. Apabila pengamalan budaya seharian mereka yang biasa dijalankan di negara asal mereka dapat dijalankan di negara baru, ini akan memberikan keselesaan mereka beradaptasi di negara baru dengan cepat.

## **RUMUSAN**

Melalui perbincangan setiap fasa dalam model Lekuk U, dapat dilihat bahawa pelajar Nigeria sangat fokus dan mempunyai daya ketahanan diri yang tinggi. Mereka menganggap bahawa apa yang dialami di Malaysia bukanlah satu masalah tetapi adalah satu cabaran yang harus dilalui dalam kehidupan. Pelajar Nigeria sangat fokus dengan tujuan mereka ke Malaysia dan tidak terjejas dengan apa yang berlaku dalam persekitaran mereka. Melalui model Lekuk U ini dapat dilihat dengan jelas setiap tingkat fasa yang dilalui oleh mereka. Bermula dari fasa bulan madu iaitu bagaimana persediaan mereka sebelum dan selepas tiba di Malaysia, kemudian berhadapan dengan pelbagai cabaran sebelum berjaya melepasi cabaran tersebut dan akhirnya berada di fasa terakhir model Lekuk U iaitu fasa penguasaan yang mana mereka telah berjaya menyerap budaya masyarakat Malaysia.

## **BIODATA PENULIS**

*Abdul Latiff Ahmad adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam komunikasi antara budaya. [alba@ukm.edu.my](mailto:alba@ukm.edu.my)*

*Salma Ali adalah pelajar Sarjana di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah menamatkan kajiannya.*

*Ali Salman adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam media dan remaja. asalman@ukm.edu.my*

*Sabariah Mohamed Salleh Sabariah Mohamed Salleh adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam media dan remaja. sabariah@ukm.edu.my*

## RUJUKAN

- Ahmad, A. L., Mirza, E., Mohd, R. H., Pawanteh, L., & Salman, A. (2014). Adaptation and the new media technology: A study on Malaysian students in Australia and United Kingdom. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 30(1), 195-206.
- Ahmad, A. L., Zamri, N. Z. M., Salman, A., Mohamed, E. M. W., & Hashim, H. (2014). Isu-isu dan masalah adaptasi antarabudaya dalam kalangan pelajar Malaysia di United Kingdom dan Australia (Issues and problems of intercultural adaptation among Malaysian students in The United Kingdom and Australia). *e-BANGI*, 9(2), 162.
- Ahmad, A. L., Noh, M. N. M., Mohamad, E. M. W., Mohd, R. H., Salman, A., & Pawanteh, L. (2015). Eksplorasi adaptasi antarabudaya pelajar melayu di Australia dan United Kingdom. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 389-403.
- Aurel, I. C. (2013). Adaptation and stress for the first year university students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. Vol 78: 718-722
- Berita Harian. 2011. *Tipu di Malaysia, mewah di Afrika*.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1218&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm) [Diperoleh pada 12 Mei 2014]
- Berita Harian Online. 2013. *Warga Nigeria paling ramai terbabit penipuan komersial*.  
<http://w1.bharian.com.my/bharian/articles/WargaNigeriapalingramaiterbabitpeniuankomersial/Article> [Diperoleh pada 3 April 2014]
- Hendrickson, B, Rosen, D & Aune, R. K. (2011). An analysis of friendship networks, social connectedness, homesickness, and satisfaction levels of international students. *International Journal of Intercultural Relations*. 35, 281-295
- Irene, T, A, L. (2011). An exploration of African students in Malaysia. *US-China Education Review*. 6: 856-861
- Ismail Abd Aziz & Doria Abdullah. (2012). Towards sustainability in Malaysian international education management. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 40, 424-428
- Jandt, E. J. 2007. *An introductions to intercultural communication. Identities in a global*

*economy*. Sage Publications. United States.

- Kim, Y.Y. (2001). *Becoming Intercultural: An Integrative Theory of Communication and Cross-Cultural Adaptation*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Lysgaard, S. (1955). Adjustment in a foreign society: Norwegian Fulbright grantees visiting the United States. *International Social Science Bulletin*, 7 (1): 45-51.
- Mak, A. S & Kim, I. (2011). Korean International students coping resources and psychological adjustment in Australia. *The Journal of Multicultural Society*. 2: 1,,56-84
- Myers, D. G. (1993). *Social Psychology*. McGraw-Hill. New York.
- Tan Y. (2011). International regional planning education experience: learnings from Malaysia, Korea and Turkey study trips. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 12, 70-89
- Zuria Mahmud, Salleh Amat. Saemah Rahman & Noriah Ishak. (2010). Challenges for International students in Malaysia: Culture, Climate and Care. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 7, 289-293